

## BAHAGIAN A (30 markah)

### SOALAN A1 (10 markah)

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Sejak beberapa tahun yang lalu, perkhidmatan menyewa basikal mudah didapati untuk penggunaan orang ramai. Ramai **(1) guna** lebih selesa menggunakan aplikasi 'OFO' dan 'MOBIKE' untuk menyewa basikal. Berbeza dengan menyewa basikal dari kedai, aplikasi 'OFO' dan 'MOBIKE' hanya memerlukan orang ramai membayar wang sewa melalui kredit yang **(2) simpan** di dalam aplikasi tersebut. Di Singapura, menyewa basikal OFO atau MOBIKE sudah menjadi **(3) biasa** dalam kalangan orang ramai. Namun, mereka sering **(4) dapat** tidak mengembalikan basikal yang disewa di tempat basikal yang disediakan khas seperti di kolong blok, stesen MRT dan sebagainya. Ada yang sanggup **(5) rosak** basikal-basikal tersebut dan ada pula tidak melaporkan basikal yang telah rosak. Ini menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab. Pekerja-pekerja sukarelawan terpaksa mengumpulkan basikal-basikal yang rosak untuk diperbaiki semula.

## SOALAN A2 (5 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) garam jatuh di air
- (B) takut titik lalu tumpah
- (C) bagai hujan jatuh ke pasir
- (D) tukang tidak membuang kayu
- (E) sebab buah dikenal pohonnya
- (F) bagaimana acuan begitulah kuihnya
- (G) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan
- (H) kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit
- (I) kerbau dipegang pada talinya; manusia dipegang pada janjinya
- (J) kalau gajah hendaklah dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya

Aiman tidak tahu apa lagi yang perlu dikatakan kepada Rosli. Rosli masih dengan tabiat buruknya. Setiap **(6) kebaikan Aiman terhadap Rosli itu tidak berbalas.** Aiman sudah masak dengan tabiat buruk Rosli sehingga dia sudah tahu **(7) dalam percakapan atau tingkah lakunya, terkandung kemahuannya.** Namun Aiman akur **(8) sikap Aiman itu menurut budi dan perangai bapanya.** Aiman **(9) orang yang cerdik dan sayang akan sekalian macam orang seperti Rosli yang ada gunanya.** Aiman telah mendengar banyak khabar angin tentang Rosli yang sering berhutang dan baginya **(10) sesuatu perkara itu perlu disiasat dahulu dengan teliti dan tidak boleh setakat mendengar cakap-cakap orang sahaja.** Rosli selalu mengharapka Aiman untuk berkongsi masalahnya.

### SOALAN A3 (5 markah)

**Arahan:** Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

berpatutan	jenama	menggalakkan
memaksa	namun	syarikat
sibuk	walaupun	

Pada zaman moden ini, lebih ramai orang gemar ke pasar raya untuk berbelanja barangan dapur. **(11)** \_\_\_\_\_ harga barangan di pasar raya lebih mahal, ramai yang menyatakan mereka menginginkan keselesaan semasa membeli barangan dapur. Tambahan pula, generasi muda yang **(12)** \_\_\_\_\_ bekerja selalu membeli barangan dapur di dalam talian. **(13)** \_\_\_\_\_ seperti Redmart semakin digemari dalam kalangan ramai orang yang tiada masa untuk ke pasar. Selain itu, harga barangan yang dijual oleh Redmart juga amat **(14)** \_\_\_\_\_. Pelbagai usaha juga telah dilakukan untuk **(15)** \_\_\_\_\_ orang ramai ke pasar basah seperti Pasar Geylang. Namun, usaha-usaha tersebut tidak berbaloi kerana ramai yang masih memilih pasar raya untuk berbelanja barangan dapur.

## BAHAGIAN B (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan-petikan berikut dengan teliti.

### Petikan 1

#### **YOK, BACA BUKU!**

Amalkan tabiat membaca buku agar dapat memastikan kecerdasan otak dan mental.

Buku merupakan sumber pelbagai informasi yang dapat membuka minda pembaca tentang pelbagai hal seperti ilmu pengetahuan, ekonomi, sosial, budaya, politik mahupun aspek-aspek kehidupan lainnya. Selain itu, membaca buku dapat membantu anda mengubah masa depan serta dapat menambahkan **kecerdasan** akal dan fikiran pembaca.

#### **Manfaat-manfaat membaca**

**1. Mencergaskan Otak :** Otak merupakan salah satu organ tubuh yang memerlukan latihan agar tetap kuat dan sihat seperti organ-organ tubuh yang lainnya. Dengan membaca buku, pembaca dapat memastikan otak agar tetap aktif sehingga dapat melakukan fungsinya dengan baik. Beberapa penelitian telah menunjukkan kegiatan membaca buku dapat merangsang daya pemikiran bahkan dapat mencegah penyakit Alzheimer dan Demensia.

**2. Mengurangkan Tekanan Perasaan :** Kegiatan membaca buku yang dilakukan selama beberapa minit dapat membantu seseorang itu mengurangkan tekanan perasaan. Kajian menunjukkan sebanyak 67% perasaan tertekan ini dapat dikurangkan melalui aktiviti membaca buku. Selain dapat membuat fikiran lebih santai ia juga dapat memberikan ketenangan jiwa dan menurunkan tekanan darah. Inilah manfaat membaca buku yang diabaikan oleh ramai orang. Ada pula yang beranggapan membaca buku merungsingkan fikiran. Namun, membaca buku sememangnya dapat membantu seseorang itu mengurangkan serta mengawal tekanan perasaan yang dilalui.

**3. Menambah Kosa kata:** Jika kegiatan membaca buku dijadikan tabiat, maka akan semakin banyak bagi pembaca mendapatkan penjelasan mengenai hal-hal yang belum diketahui. Tambahan lagi, pembaca dapat menambah jumlah kosa kata yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Hal ini tentu sahaja dapat membantu pembaca untuk menyebut sesuatu perkataan dengan tepat, berupaya menyampaikan pendapat dengan lancar serta dapat meningkatkan sifat keyakinan semasa berbicara dengan orang lain.



**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 4, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

**16** Membaca buku dapat menjaga otak untuk \_\_\_\_\_.

- (A) mengubah masa depan
- (B) membuka wawasan pembaca tentang berbagai hal
- (C) sentiasa kuat dan sihat seperti organ tubuh yang lainnya
- (D) sentiasa aktif sehingga dapat melakukan fungsinya secara baik dan benar

**17** Ramai orang tidak mengambil berat tentang membaca buku kerana \_\_\_\_\_.

- (A) membaca buku merungsingkan fikiran
- (B) membaca dapat membuat fikiran lebih santai
- (C) membaca buku hanya dilakukan selama beberapa minit
- (D) membaca buku dapat membawa kedamaian batin serta ketenangan yang sangat besar

**18** Perkataan 'kecerdasan' dalam perenggan satu bermaksud \_\_\_\_\_.

- (A) kesihatan
- (B) kesesuaian
- (C) keselesaan
- (D) kesempurnaan

## KEDAI MOTOSIKAL BERUANG

### Membersihkan Motosikal Adalah Tanggungjawab Kami

Dengan pengalaman kami selama 10 tahun mencuci dan menggilap motosikal, motosikal anda pasti kelihatan baharu dan berkilat. Harga yang ditawarkan sama bagi semua jenis motosikal.

Hubungi nombor pejabat kami di talian 67884599 untuk membuat temu janji bagi mencuci motosikal anda.

Anda juga boleh mengiirinkan teks pesanan ringkas (SMS) di talian 9889945.

Setiap temu janji perlu mematuhi beberapa syarat berikut:

- Temu janji dilakukan 24 jam lebih awal.
- Wang cengkeram \$10 dibayar melalui ibanking kami di nombor akaun POSB: 09987224

Kunjungilah cawangan kami di  
Synergy @ KB 25  
Kaki Bukit Road 4  
#03-62 S(417800)

## Tawaran Hebat!

Potongan harga sebanyak 10% akan diberikan kepada 30 pelanggan pertama.

Tawaran yang diberikan termasuk:

- \* Mencuci keseluruhan motosikal
- \* Menggilap dan mengilatkan badan motosikal
- \* Mengilatkan kedua-dua tayar motosikal

Daftarkan diri anda sebagai ahli kelab syarikat kami dan meraih manfaat-manfaat yang berikut:

- Potongan harga 5% diberikan bagi setiap kali motosikal anda yang dicuci dan digilap.
- Menerima sabun pencuci ciptaan syarikat Beruang apabila menghantar motosikal anda buat kali kelima ke kedai kami.
- Menerima baucer sebanyak \$50 untuk membeli barangan motosikal di kedai kami.

**SEGERA DAFTAR! JANGAN RAGU-RAGU!**

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

**19** Pemilik motosikal yang ingin melakukan temu janji untuk mendapatkan perkhidmatan perlu mematuhi syarat seperti \_\_\_\_\_.

- (A) menjadi ahli kelab kedai
- (B) melakukan temu janji 24 jam lebih awal
- (C) menghubungi kedai motosikal Beruang di nombor 67884599
- (D) mengirimitkan teks pesanan ringkas ke talian kedai motosikal Beruang

**20** Pemilik motosikal yang menjadi ahli kelab kedai motosikal Beruang akan \_\_\_\_\_.

- (A) mendapat potongan harga sebanyak 10%
- (B) memerlukan pembayar wang cengkeram sebanyak \$10
- (C) mendapat sabun pencuci ciptaan kedai motosikal Beruang pada setiap lawatan
- (D) menerima baucer sebanyak \$50 untuk membeli barangan motosikal di kedai motosikal Beruang

### BAHAGIAN C (30 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

“Mari kita berlumba.” Sofia benci apabila dia berkata begitu.

Ini kerana apabila mereka berlumba, selalu kakaknya yang akan menang kerana dia berlari lebih **ligat** berbanding dengan Sofia. Mereka berlumba bagi mendapatkan baldi air yang terbaik. Baldi yang mempunyai pemegang yang lebih besar dan kurang kemik berbanding dengan baldi yang lain. Rutin mereka berdua setiap hari adalah mengangkat air. Sambil 5  
menghayun baldi besi di tangan, mereka meluru keluar melalui pagar karat di hadapan rumah dan menuruni bukit yang sempit dan berdebu. Baldi besi yang mereka bawa berlanggaran dan mengeluarkan bunyi ketika menuruni batu-batu yang tersusun itu seolah-olah tangga.

Tangga itu curam, bertompok-tompok dengan lalang hijau, tidak rata serta dipenuhi batu dan **serpihan** simen. Pernah terjadi, mereka bertembung dengan seekor anjing 10  
liar yang sedang mencari makanan. Mereka melompat ke dalam lopak lumpur dan terus berlari lalu naik pada sebatang pokok bagi mengelak daripada anjing itu. Berjalan pulang ke rumah dengan baldi penuh berisi air adalah sukar. Perjalanan itu mengambil masa yang lebih lama kerana mereka terpaksa berhenti berulang kali bagi berehat.

Sesekali angin dingin yang berhembus dari pergunungan menyapa wajah 15  
mereka. Sofia juga akan duduk di atas batu sambil melihat kakaknya membaling batang-batang kayu ke dalam gaung. Ada masanya selepas penat bermain di luar, mereka akan berlari ke dapur lalu mengambil botol kaca besar yang menyimpan air minuman. Malang sekali, botol itu kosong. Mereka kemudiannya cuba menadah air dari paip air tetapi hanya beberapa titis air yang keluar. Sofia dan kakaknya merungut dan mengeluh kerana terlupa untuk mengambil air 20  
pada hari itu.

Nenek yang sedang duduk sambil membaca akhbar mendongak dan tersenyum ke arah Sofia dan kakaknya. Nenek memakai gaun labuh hitam yang ditenun daripada bulu biri-biri bersama sarung kaki tebal. Pandangannya dilemparkan ke luar tingkap ke arah banjaran bukit yang terbentang luas di belakang rumah mereka yang serba lengkap dengan keperluan 25  
rumah. Nenek memanggil cucu-cucunya dan menunjuk ke arah pondok-pondok lumpur kecil yang terdiri di celah-celah kawasan kebun.

“Kita bertuah,” kata nenek sambil tersenyum penuh makna.

“Cuba lihat jiran di sebelah sana, mereka tidak ada bekalan air langsung.”

Nenek merangkul tangan Sofia dan berkata, “Mari, kamu perlu bantu nenek.” 30  
Sofia duduk bersebelahan nenek di dapur yang sempit. Nenek menghulurkan sebilah pisau dan tiga biji kentang.

“Kamu perlu belajar mengupas kentang,” kata nenek.

Nenek mengajar Sofia mengupas dan memotong kentang-kentang akibat daya 35  
penglihatan nenek yang tidak jelas lagi. Selepas memasukkan semua bahan ke dalam periuk, nenek kemudiannya menambah air dari bekas simpanan. Tangan nenek yang lemah dan berkedut itu tidak berdaya untuk mengangkat periuk. Sofia membantunya meletakkannya di atas api yang dimarakan dengan minyak tanah. Sejam kemudian, nenek mengacau dan merasa sup itu dengan menggunakan senduk kayu yang besar.



**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang berikut. Seberapa yang boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah Sofia benci apabila diajak berlumba dengan kakaknya? (3 markah)
- 22** Apakah sebab utama Sofia dan kakaknya berlumba? (3 markah)
- 23** Nyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka berdua dalam melaksanakan rutin mereka itu. (5 markah)
- 24** Mengapakah Sofia dan kakaknya menyesal akibat terlupa mengambil air pada hari itu? (5 markah)
- 25** Sofia dan kakaknya amat bertuah dari segi mutu kehidupan. Berikan bukti-bukti bagi menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)
- 26** Nyatakan dua sebab utama yang menunjukkan nenek memerlukan bantuan Sofia untuk memasak sup. (5 markah)

**Arahan:** Terangkan maksud perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** ligat (baris 2) (2 markah)
- 28** serpihan (baris 10) (2 markah)

Selesai

## KUNCI JAWAPAN BAGI KERTAS 2 4NA 2018

### Soalan A1

- 1 pengguna
- 2 disimpan
- 3 kebiasaan
- 4 didapati
- 5 merosakkan

### Soalan A2

6. C
7. G
8. F
9. D
10. J

- A** garam jatuh di air  
**seseorang yang sangat cepat menerima dan mudah memahami sesuatu nasihat atau pengajaran yang diberikan kepadanya**
- B** takut titik lalu tumpah  
**hendak mengelakkan kerugian kecil akhirnya mendapat kerugian besar**
- C** bagai hujan jatuh ke pasir  
**kebaikan (seperti pertolongan) yang sia-sia atau tidak berbalas**
- D** tukang tidak membuang kayu  
**orang yang cerdik, sayang akan sekalian macam orang kerana masing-masing ada gunanya**
- E** sebab buah dikenal pohonnya  
**daripada tingkah laku seseorang itu kita dapat mengetahui atau mengenali watak dan asal seseorang**
- F** bagaimana acuan begitulah kuihnya  
**a. seseorang anak itu akan menurut budi dan perangai ibu bapanya**  
**b. keadaan sesuatu itu menurut asalnya**
- G** kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan  
**dalam percakapan atau tingkah laku seseorang, terkandung kemahuannya**
- H** kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit  
**kuat atau berkuasa kerana sesuatu kelebihannya**
- I** kerbau dipegang pada talinya; manusia dipegang pada janjinya  
**manusia yang jujur akan sentiasa dipercayai orang kerana dia tidak akan mungkir janji**
- J** kalau gajah hendaklah dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya  
**sesuatu perkara itu perlu disiasat dahulu dengan teliti dan tidak boleh setakat mendengar cakap-cakap orang sahaja**

**Soalan A3**

- 11. walaupun
- 12. sibuk
- 13. syarikat
- 14. berpatutan
- 15. menggalakkan

**BAHAGIAN B (PEFAHAMAN OBJEKTIF)**

- 16. (D) sentiasa aktif sehingga dapat melakukan fungsinya secara baik dan benar
- 17. (A) membaca buku merungsingkan fikiran
- 18. (D) kesempurnaan
- 19. (B) melakukan temu janji 24 jam lebih awal
- 20. (D) menerima baucer sebanyak \$20 untuk membeli barangan motosikal di kedai motosikal beruang

**BAHAGIAN C (KEFAHAMAN SUBJEKTIF)**

- 21 Apabila mereka berlumba, selalu kakanya yang akan menang kerana dia berlari lebih ligat berbanding Sofia.  

**3 markah**
- 22 -Mereka berlumba bagi mendapatkan baldi air yang terbaik iaitu baldi yang mempunyai pemegang yang lebih besar dan kurang kemik berbanding baldi lain  

**3 markah**
- 23 **-Mereka perlu menggunakan** tangga yang curam, bertompok-tompok dengan lalang hijau, tidak rata, serta dipenuhi batu dan **serpihan** simen .
  - Mereka boleh bertembung dengan seekor anjing liar yang sedang mencari makanan.
  - Perjalanan pulang mengambil masa yang lebih lama kerana mereka terpaksa berhenti berulang kali bagi berehat

**(Mana-mana dua jawapan diperlukan)**

**5 markah**

**24** -Selepas penat bermain di luar, mereka akan berlari ke dapur lalu mengambil botol kaca besar yang menyimpan air minuman namun botol itu kosong.  
 -Mereka juga cuba menadah di paip air, tetapi hanya beberapa titis air yang keluar.  
**5 markah**

**25** -Rumah mereka serba lengkap dengan keperluan rumah berbanding pondok-pondok lumpur kecil yang terdiri di celah-celah kawasan kebun.  
 -Sofia dan kakaknya sekurang-kurangnya mempunyai bekalan air berbanding penduduk di pondok-pondok lumpur kecil yang tiada bekalan air langsung.  
**5 markah**

**26** - daya penglihatan Nenek tidak jelas lagi untuk mengupas dan memotong kentang-kentang  
 - Tangan nenek yang lemah dan berkedut itu tidak berdaya untuk mengangkat periuk.  
**5 markah**

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 28**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan dengan tidak menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

**27** ligat – cepat gerakan/ pantas

**28** serpihan – bahagian yang pecah/ tersobek

Topics & Marks	Simple(Sub-total marks)	Moderate(Sub-total marks)	Challenging(Sub-total marks)
Imbuhan(10)	1,5 (4marks)	2,3,4(6marks)	
Peribahasa(5)		6,7,8(3 marks)	9,10(2 marks)
Lengkapkan Teks(5)	15(1 mark)	11,12(2marks)	13,14(2marks)
Kefahaman Objektif(10)	20(2marks)	16,17(4 marks)	18,19(4marks)
Kefahaman Subjektif(30)	21(3marks)	22,23,24(13marks)	25,26,27,28(14marks)